



DIALOG PEMBANGUNAN BERSAMA PENGHULU-PENGHULU MUKIM DAN KETUA-KETUA KAMPUNG DAERAH TEMBURONG

Sabtu, 29 Jamadilakhir 1447H | 20 Disember 2025M

1. Bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan pembangunan di Negara Brunei Darussalam berjalan lancar dan selari dengan hala tuju negara, Kementerian Pembangunan telahpun mengadakan sesi Dialog Pembangunan bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Temburong di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, Pekan Bangar pada pagi ini.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.
3. Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyatakan bahawa Sesi Dialog ini mencerminkan komitmen serta usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa mendengar suara di setiap peringkat khususnya akar umbi. Seperti daerah-daerah lain, Daerah Temburong juga sama penting dalam agenda Pembangunan negara.
4. Inisiatif ini juga merupakan platform untuk membincangkan secara terbuka mengenai isu-isu yang sering dihadapi oleh Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung sebagai langkah menuju ke arah memperbaiki lagi perkhidmatan Kementerian Pembangunan.
5. Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga mengongsikan bahawa segala usaha pembangunan di Daerah Temburong telahpun dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan, dengan memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan yang disampaikan.
6. Sesi Dialog dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Mulia Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir, Ketua Kampung Bokok, Daerah Temburong. Seterusnya, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta Majlis-Majlis Perundingan Kampung dijemput untuk mengongsikan segala kemaslahatan dan cadangan-cadangan ke pihak Kementerian Pembangunan.

7. Turut hadir di sesi dialog tersebut ialah Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Ketua-Ketua Jabatan; Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta Majlis Perundingan Kampung, pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: pr@mod.gov.bn



DIALOGUE SESSION ON DEVELOPMENT WITH MUKIM HEADS AND VILLAGE HEADS OF TEMBURONG DISTRICT

Saturday, 29 Jamadilakhir 1447H | 20 December 2025M

1. To ensure that development planning and implementation in Negara Brunei Darussalam run smoothly and are aligned with the nation's direction, the Ministry of Development held a *Development Dialogue* Session with Mukim Heads and Village Heads of Temburong District at the Official Residence of the Temburong District Officer in Bangar Town this morning.
2. Present as the Guest of Honour was Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development.
3. In his welcoming remarks, the Minister of Development stated that this Dialogue Session reflects the commitment and efforts of the Government of His Majesty Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam to continuously listen to voices at all levels. Like other districts, Temburong District is equally important in the national development agenda.
4. This initiative also serves as a platform to openly discuss issues frequently faced by Mukim Heads and Village Heads as a step towards further improving the services of the Ministry of Development.
5. The Minister of Development also shared that all development efforts in Temburong District have been implemented in stages and on an ongoing basis, with emphasis placed on the quality of services delivered.
6. The Dialogue Session began with the recitation of Surah Al-Fatihah and a Doa Selamat led by Yang Mulia Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir, Village Head of Kampung Bokok, Temburong District. Subsequently, Mukim Heads, Village Heads, and Village Consultative Councils were invited to share their concerns and proposals with the Ministry of Development.
7. Also present at the dialogue session were Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Member of the Legislative Council; Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary at the Ministry of Development; Deputy Permanent Secretaries from the

Ministry of Development and the Ministry of Home Affairs; Heads of Departments; Mukim Heads and Village Heads; Village Consultative Councils; as well as officers and staff from the Ministry of Development and the Ministry of Home Affairs.

-END-

Prepared and released by:
Public Relations Unit
Ministry of Development
Brunei Darussalam
E-mail: pr@mod.gov.bn